

Harga air kepada Singapura mungkin 60 sen setiap 1,000 gelen

UM 24 OCT 2002

KUALA LUMPUR 23 Okt. — Kerajaan mungkin menaikkan harga air melebihi 60 sen bagi setiap 1,000 gelen yang dijual kepada Singapura berikutan tindakan republik itu mengurangkan harga yang ditawarkan sebelumnya sebelum ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, penentuan harga baru itu perlu mencerminkan nilai sebenar pasaran kerana republik tersebut tidak boleh mengharap terus mendapat harga istimewa berasaskan perjanjian lapuk.

"Mereka tawarkan 45 sen bagi setiap 1,000 gelen air, kita minta 60 sen. Sekarang Singapura telah mengurangkan (harga ta-

waran) kepada 12 sen, jadi saya fikir kita patut naikkan (harga tawaran)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menutup Seminar Antarabangsa Dinar Emas Dalam Perdagangan Pelbagai Hala anjuran Institut Kefahaman Islam (IKIM) di sini, hari ini.

Dr. Mahathir mengulas laporan akhbar *Straits Times* yang memetik beliau sebagai berkata bahawa Singapura telah mengurangkan harga yang sedia ditawarkan daripada 45 sen bagi setiap 1,000 gelen air kepada 12 sen, apabila isu air dikeluarkan daripada perbincangan pakej isu-isu dua hala yang tertangguh.

Ditanya kadar kenaikan yang akan ditawarkan oleh Malaysia, Perdana Menteri berkata: "Ia terpulang kepada kami untuk membincangkannya."

Beliau bagaimanapun menolak tanggapan bahawa perkembangan terbaru ini menunjukkan perbincangan berhubung isu air tidak mencapai kemajuan.

"Tidak. Kita mencapai kemajuan... kemajuan daripada tiga sen ke 12 sen," katanya.

Ditanya kenapa kedua-dua pihak tidak mengambil jalan tengah dalam isu itu, Dr. Mahathir berkata:

■ Lihat muka 4

✓ Harga air kepada Singapura mungkin 60 sen setiap 1,000 gelen

"Apabila Singapura mencadangkan 45 sen, jalan tengahnya sebelum ini ialah 60 sen. Kini mereka mengurangkan kepada 12 sen, jadi jalan tengah kita perlu lebih daripada 60 sen.

Bagi Perdana Menteri, tindakan terbaru Singapura menunjukkan betapa republik itu tidak bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan isu tersebut.

"Mereka percaya selagi masalah harga ini tidak diselesaikan, mereka akan terus mendapat air pada harga tiga sen (setiap 1,000 gelen).

"Kita pula telah memberi jaminan akan sentiasa membekalkan air yang cukup untuk Singapura bagi keperluan rakyatnya minum, mandi dan membasuh," katanya.

Bagaimanapun Dr. Mahathir menegaskan jaminan itu bukan untuk membolehkan Singapura menjual air bagi mengaut keuntungan yang berlebihan.

Menurutnya, republik itu menjual air yang dirawat kepada kapal-kapal pada harga 20 dolar Singapura (RM40) bagi setiap 1,000 gelen.

"Anda beli air pada harga tiga sen, rawat sikit dan jual pada RM40...berapa peratus itu?," tanya beliau.

Dalam hal ini, beliau berkata, tidak wajar bagi Singapura hendak mempersoalkan tindakan Malaysia meminta kenaikan harga.